



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 5/2021
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PENGEMASKINIAN KEAHLIAN JAWATANKUASA MEMPERTIMBANGKAN
SURCAJ DAN JAWATANKUASA MEMPERTIMBANGKAN RAYUAN**

Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperkenankan bagi keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj dan Jawatankuasa Mempertimbangkan Rayuan sebagaimana yang terkandung di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2018 bertarikh 14 Syawal 1439 bersamaan 28 Jun 2018 untuk dikemaskini seperti berikut:

1.1 Keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj:

Pengerusi	:	YM Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal prestasi dan korporat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Ahli-Ahli	:	i. YM Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; ii. YM Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan; iii. YM Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam; dan iv. YM Penolong Peguamcara Negara Pejabat Peguam Negara
Setiausaha	:	YM Penolong Kanan Jurukira Agung (Bahagian Akaun), Jabatan Perbendaharaan
Urusetia	:	Jabatan Perbendaharaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi



-2-

1.2 **Keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Rayuan:**

Pengerusi	:	YM Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal undang-undang di Jabatan Perdana Menteri
Ahli-Ahli	:	i. YM Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; ii. YM Timbalan Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Perkhidmatan Awam di Jabatan Perdana Menteri; dan iii. YM Peguamcara Negara Pejabat Peguam Negara
Setiausaha	:	YM Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Jabatan Perkhidmatan Awam

2. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 27 Mac 2021.

3. Dengan ini, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2018 bertarikh 14 Syawal 1439 bersamaan 28 Jun 2018 adalah dibatalkan, manakala Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 09/2017 bertarikh 15 Zulhijjah 1438 bersamaan 06 September 2017 adalah masih berkuatkuasa kecuali bagi lantikan di perenggan 3.1.5 dan 3.3.3 dalam Surat Keliling berkenaan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

...../3



-3-

"Hutan Adalah Warisan Negara"

Dengan hormat



[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (5) JPM/SK/2021
Tarikh : 13 Sya'ban 1442
27 Mac 2021